

20/06/1999

PM bidas media Singapura

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidaskan sikap media Singapura yang sering mencampuri urusan pentadbiran negara.

Sambil melahirkan rasa bosan terhadap tindakan media berkenaan, Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau tidak berhasrat untuk bergaduh dengan mereka.

Menurutnya, Malaysia adalah sebuah negara demokratik dan tidak ada sebab untuk mengikut cara yang mereka cadangkan.

"Dia (Singapura) kalau ada calon parti lain menang akan didakwa sehingga tidak boleh menjadi wakil rakyat, malah sehingga ada orang yang terpaksa lari.

"Pemimpin mereka juga sering menyaman dan mendapat pampasan yang banyak. Penyakit ini sudah sampai ke sini," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan petang semalam.

Business Times Singapura dalam lidah pengarangnya kelmarin antara lain menyebut bagi Dr Mahathir, sekadar memenangi pilihan raya umum akan datang saja, tidak akan menjadi kemuncak kepada pencapaian beliau.

(END)